

**Permaisuri Agong Sampai Sumbangan Hari Raya Kepada Anak Yatim Di Pendang
Bernama
9 Ogos, 2012**

PENDANG, 9 Ogos (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah hari ini berkenan menyampaikan sumbangan dan kurniaan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri kepada 150 anak yatim di daerah Pendang, di sini.

Pada majlis itu, Raja Permaisuri Agong menyampaikan sumbangan wang tunai serta beg sekolah kepada semua anak yatim yang terpilih dari seluruh daerah itu.

Terdahulu, ketika menyampaikan titah ucapan, baginda memaklumkan bahawa bantuan berkenaan disalurkan melalui Yayasan Anak-anak Yatim Sultanah Haminah (YAYSH) yang ditubuhkan baginda sejak setahun lalu.

Titah baginda, sebelum ini YAYSH berjaya menyampaikan bantuan di daerah Sik, Bandar Baharu serta Kubang Pasu dan kini diperluaskan ke daerah Pendang dalam usaha meringankan beban anak yatim.

"Hidup kita bukan sekadar untuk memenuhi keperluan keluarga sendiri sahaja tapi kita juga perlu membantu insan yang kurang bernasib baik bagi mendapatkan kebaikan dunia dan akhirat," titah baginda pada majlis penyampaian sumbangan itu di Pendang Lake Resort, di sini Khamis.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686858>

